

MEMBENTUK POLITIK LESTARI MENUJU WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

FORMING SUSTAINABLE POLITICS TOWARDS THE SHARED PROSPERITY VISION 2030

*Wan Kamal Mujani, Ahmad Munawar Ismail, Mohd Nasran Mohamad, Mohd Izhar Ariff
Mohd Kashim, Haziyah Hussin, Azmul Fahimi Kamaruzaman, Farid Mat Zin, Muhammad
Razak Idris, Nurfida'iy Salahuddin

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor
Darul Ehsan, Malaysia

*Corresponding Author: email: inawan@ukm.edu.my

ABSTRAK

Gagasan Rahmatan lil 'Alamin meliputi nilai yang menggambarkan sifat positif untuk diamalkan oleh manusia apabila berinteraksi dengan Allah SWT, insan lain, persekitaran dan segala kejadian termasuklah diri sendiri. Ajaran yang dibawa oleh agama Islam membawa rahmat kepada semesta alam kerana nilai yang dianjurkan adalah nilai sejagat yang harmoni dengan semua umat manusia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis konsep serta ciri-ciri politik lestari yang boleh menyumbang kepada kecemerlangan tamadun dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Kajian ini juga adalah untuk menganalisis hubungan antara teras tamadun cemerlang kelestarian berpolitik dan prinsip-prinsip dalam gagasan Rahmatan lil 'Alamin dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif termasuk analisis kandungan, temu bual separa berstruktur dalam format perbincangan meja bulat bagi mengumpul dan memperoleh data kajian. Hasil dapatan mendapat hubungan antara teras tamadun cemerlang, kelestarian berpolitik dan prinsip-prinsip dalam gagasan Rahmatan lil 'Alamin dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 menunjukkan idea politik yang sama (re-branding label) dengan apa yang pernah dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin sebelum ini seperti penerapan nilai-nilai Islam, Islam Hadhari dan Wasatiyyah namun bukanlah menjadi satu kesalahan pemimpin semasa memberi penjenamaan baru/ semula atas tujuan peringatan kepada rakyat Malaysia tentang praktis ini.

Kata kunci: rahmatan lil alamin, politik lestari, wawasan kemakmuran bersama 2030

ABSTRACT

The idea of rahmatan lil 'alam encompases values that describes the positive character of human beings as a servant of Allah as well as when interaction with other human beings, the environment. The teachings brought by Islam bring blessings and merciful to the universe since it possesses the universal values and emphasises on the harmonious way of livelihood with all mankind. Therefore, this study aims to examine and analyse the concepts and characteristics of sustainable politics that can contribute to the excellence of civilization and eventually fulfilling the Shared Prosperity Vision 2030. This study applies qualitative methods including content analysis, semi structured interviews through series of roundtable discussions for data collection. The results found that the relationship between the core of excellent civilization, political sustainability and the principles in the idea of

rahmatan lil ‘alamin towards the Shared Prosperity Vision 2030 shows similarities with what has been put forward by previous leaders such as Inculcation Islamic values, Islam Hadhari and Wasatiyyah or in other words merely rebranding political idea. However, it is not wrong for leaders to rebrand it for the sake of reminding Malaysians about this noble practice.

Keywords: *rahmatan lil ‘alamin, sustainable politics, Shared Prosperity Vision 2030*

PENGENALAN

Hakikat yang perlu kita terima adalah globalisasi sudah menjadi sebahagian daripada sunah alam. Menyalahkannya secara berterusan akan memberi kesan kepada masa depan anak-anak bangsa yang akan kita tinggalkan. Meletakkan faktor semua kesilapan kita kepada Barat juga adalah satu perjalanan mlarikan diri (*escapism*) daripada dunia nyata. Begitu juga dengan membebankan tanggungjawab kita dengan menyalahkan pihak-pihak tertentu atau individu-individu tertentu. Penyelesaian seperti ini tidak pernah berjaya menyelesaikan masalah. Hakikatnya, kita perlu satu mekanisme baharu dengan format yang baharu bagi meneruskan perjuangan membentuk dan mengulangi kegemilangan tamadun Islam yang pernah kita kecapi suatu ketika dahulu. Salah satu daripada elemen penting dalam mekanisme tersebut adalah membentuk suasana politik dengan ekosistem yang lestari. Ada banyak faktor yang boleh menyumbang kepada suasana ini. Kali ini kita berhasrat membangunkannya bersama-sama dasar Rahmatan lil Alamin. Harapan kita, Malaysia baharu akan terbentuk dan situasi politik menjadi faktor utama perubahan dalam membentuk tamadun Malaysia baharu pada masa akan datang.

Gagasan Rahmatan Lil Alamin

Dari sudut etimologi perkataan al-rahmah berasal daripada kata kerja rahima yang memberi makna al-riqqah, iaitu kehalusan atau kelembutan. Ianya bermaksud al- ta’attuf iaitu kasih sayang yang lahir daripada sikap empati, dan juga al-maghfirah iaitu keampunan (Ibn Manzur, 1956). Manakala dari sudut terminologi, rahmah merupakan satu sifat yang ada pada seseorang dan mendorongnya melakukan sesuatu yang bermanfaat kepada pihak lain walaupun ianya tidak menyukai perkara tersebut (Ibn al-Qayyim, 1975). Al-Sirjani (2009), menyatakan bahawa sifat al-rahmah dengan pelbagai bentuk perkataan yang sama disebut ulang di dalam al-Quran sebanyak 315 tempat berbanding dengan sifat-sifat mahmudah lain seperti al-sidq (benar), al-sabr (sabar), al-‘afw (memaaafkan), al-kiram (mulia), al-amannah (amanah) dan al-wafa’ (menepati janji).

Al-Isfahani (1991) pula menyatakan bahawa rahmah merupakan satu sifat belas kasihan yang mendatangkan kebaikan (ihsan) terhadap pihak tertentu. Manakala Abu Zahrah (1987) mentafsirkan rahmah sebagai perasaan belas kasihan, toleransi, lemah-lembut yang menzhirkan ketinggian budi pekerti serta akhlak yang mulia. Pengertian rahmah yang dinyatakan di atas jelas sesuai dengan fitrah

manusia yang terbit di dalam hati dan dizahirkan dengan kebaikan.

Bahkan Allah SWT juga menyifatkan diri-Nya sendiri dengan sifat rahmah seperti mana yang telah tertulis lebih daripada tiga ratus kali di dalam al-Qur'an. Allah SWT mewajibkan diri-Nya untuk memiliki sifat kasih dan cinta sehingga memperkenalkan diri-Nya di dalam surah al-Fatiha iaitu surah pertama di dalam al-Qur'an dengan menyebut sebanyak dua kali sebagai Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Ayat pengenalan di dalam surah tersebut jelas menunjukkan sifat kasih malah turut ditegaskan pada ayat kedua dan ketiga sebagai kasih dan cinta-Nya melalui penciptaan dan pemeliharaan-Nya. Justeru itu, tidak hairanlah sekiranya Islam diwahyukan sebagai agama yang membawa rahmat untuk alam semesta. Ini terbukti dengan hadirnya rasa kasih dan cinta-Nya iaitu agama Islam (Hamim, 2007).

Al-Tantawi (1992) menyatakan bahawa tanda anugerah Allah SWT buat manusia adalah dengan mengutuskan Nabi dan Rasul untuk menyebar rahmat di seluruh muka bumi seperti mana dalam firman Allah SWT:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ﴾¹

Maksudnya:

Kami tidak mengutus engkau wahai Muhammad, melainkan sebagai rahmat bagi sekalian alam.²

Berdasarkan ayat ini dapat disimpulkan bahawa perutusan Islam bersama Baginda adalah tidak lain dan tidak bukan untuk membawa rahmat kepada seluruh umat manusia. Melalui Islam, manusia dapat mengenal perbezaan baik dan buruk, benar dan salah. Kasih sayang yang di ajar bukan sekadar teori bahkan boleh dilihat dengan jelas melalui perilaku dan akhlak Rasulullah SAW sekaligus menjadikannya sebagai tauladan sehingga ke hari ini. Oleh itu, bentuk rahmat bagi orang yang beriman adalah membenarkan apa yang dikatakan oleh Baginda SAW dan membenarkan apa yang dibawa oleh Baginda. Ianya adalah rahmat yang sempurna berupa kebahagiaan di dunia dan akhirat. Dengan sifat al-rahman, Allah SWT menjadikan dalam hati manusia ada perasaan kasih sayang dengan makhluk lain yang berhak disayangi dan dikasihi. Sifat al-rahmah adalah sifat universal yang mencakupi segenap sudut sesuai dengan frasa rahmatan lil 'alamin. Kasih sayang harus dirasai oleh setiap makhluk.

Manakala perkataan 'alamin atau 'alamun bermaksud semua kejadian alam. Terdapat perbahasan ulama berkenaan pentafsiran istilah 'alamin kerana penggunaannya yang sinonim dengan perkataan rabb iaitu Tuhan dengan ungkapan rabb al'alamin iaitu Tuhan sekalian alam.

¹ Semua terjemahan ayat al-Quran dalam penulisan ini adalah berdasarkan Tafsir Pimpinan al-Quran Kepada Pengertian al-Quran, 1987, Ed. ke-8, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

² Al-Quran, al-Anbiya 21:107

Perkataan al-‘alamin telah disebut di dalam al-Quran sebanyak 73 kali berserta dengan lafaz ‘alamat iaitu di dalam surah al-Nahl (Ramlie, 2007). Ibn Manzur (1956) menyatakan lafaz lil ‘alamin pula merujuk kepada limpahan nikmat dan manfaat yang diberikan melimpah kepada seluruh makhluk alam. Ada yang berpandangan ia merujuk kepada seluruh manusia dan dalam al-Qurtubi (2006) dinyatakan ia sebagai merujuk kepada umat Islam sahaja. Namun, umumnya, semua umat manusia mendapat kebaikan dan kebahagiaan daripada sifat Maha Pengasih dan Penyayang Allah SWT.

Politik

Dalam bahasa Arab ianya dikenali dengan istilah siyasah yang juga bermaksud mengatur, mengendalikan, mengurus, membuat keputusan, mengatur kaum, memerintah dan memimpin (al-Jauziyah, t.th). Secara tersirat siyasah terkandung dua dimensi iaitu tujuan yang hendak dicapai melalui proses dan cara pengendalian menuju tujuan tersebut. Terdapat ramai para sarjana Islam yang telah mengupas secara mendalam mengenai siyasah antaranya tulisan al-Mawardi, al-Farabi, al-Ghazali, Ibn Khaldun dan Ibn Taimiyyah. Antara penekanan yang diberikan adalah berkenaan dengan nilai-nilai yang harus dipegang oleh seorang pemimpin atau kelas pemerintah secara keseluruhannya. Begitu juga dengan ahli-ahli falsafah Hindu seperti Kung Fu-Tse, Meng-Tse, Wang An-Shih, Vaisya dan Kautilya. Idea yang dibahaskan adalah tentang keesahan kerajaan, keadilan sosial, dan masyarakat sempurna sealiran dengan pandangan Plato dan Aristotle (Syed Ahmad Hussein, 1996).

Terdapat empat ciri penting politik yang digariskan mengikut al-Quran iaitu melaksana keadilan, menegak kebenaran dan menghapuskan kemungkar, merealisasikan syariat dan mewujudkan sistem masyarakat yang aman. Keempat- empat ciri ini mempunyai tempat yang kukuh dalam kehidupan sosio-politik manusia (Hasan, 2001). Politik mempunyai tempat yang istimewa dalam Islam. Islam tidak memisahkan soal keduniaan dan keagamaan dengan politik. Malah politik dianggap sebagai wasilah atau jalan yang boleh membawa kepada maksud tercapai matlamat memartabatkan agama. Ibn Taimiyyah dalam bab khusus mengenai wujub ittikhaz al-imarah ؛الإمارة و وجوب اتخاذ dalam kitab al-Siyasah al-Syariyyah (1986) membuat kesimpulan tentang kepentingan institusi politik dalam Islam. Beliau mengulas bahawa ‘kuasa (dalam politik) dan ‘harta’, tujuannya adalah untuk mendekatkan diri kita kepada Allah SWT. Ianya lebih dikenali sebagai fisabilillah. Maka dengan itu, menurut Ibn Taimiyyah lagi, ‘kuasa’ dan ‘harta’ mempunyai matlamat untuk mewujudkan kebaikan kepada agama dan dunia atau dengan perkataan lain adalah untuk menjamin kemaslahatan agama dan dunia. Menurut seorang lagi tokoh ulama terkemuka Islam dalam bidang sains politik iaitu al-Mawardi, beliau juga telah menekankan tentang kepentingan kuasa politik digunakan untuk memartabatkan agama Islam dan ungkapan hirasatin al-din wa siyasatun al-dunya bihi oleh al-Mawardi dalam kitab Ahkam Sultaniyyah ditujukan kepada orang yang berkuasa (Al- Mawardi,

1966).

Tamadun

Ibn Manzur (1997) dalam Lisan al-Arab menggunakan istilah *madaniah*, tamadun dan *hadarah* bagi menggambarkan erti tamadun. Ibn Khaldun (1990) dalam kitabnya *Muqaddimah Ibn Khaldun* telah mengemukakan istilah umran dan hadarah bagi memberi definisi tamadun sebagai beberapa keadaan dan peristiwa biasa yang melebihi dari patut, terbit daripada peristiwa-peristiwa pembangunan. Tamadun mungkin turut bertambah dengan bertambahnya kemajuan. Tetapi, ia masih perlu berteraskan kemanusiaan. Syed Naquib al-Attas (1977) dalam bukunya *Islam Fahaman Agama Dan Asas Akhlak* mendefinisikan tamadun sebagai keadaan kehidupan insan bermasyarakat yang telah mencapai taraf tatasusila dan kebudayaan luhur bagi seluruh masyarakat.

Teori *umran al-'alam* telah mula diperkenalkan oleh Ibn Khaldun bagi menangani krisis politik dan sosio ekonomi yang melanda masyarakat Islam di Asia Barat, khususnya di Andalus dan Afrika Utara pada abad ke-14M akibat berlakunya keruntuhan agama dan akhlak serta perpecahan sesama umat Islam disebabkan perbezaan mazhab, di satu pihak, serta kesan dan pengaruh pemikiran tradisionalis Islam yang diimport daripada kebudayaan dan pemikiran Parsi dan Yunani kuno, di pihak yang lain. Pada masa sama, umat Islam ketika itu tidak memahami hukum masyarakat dan alam yang sudah ditentukan oleh Allah SWT serta kurang prihatin terhadap penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar yang memberi kesan kepada kehidupan.

Dari segi bahasa, ‘*umran* berpunca dari kata akar `*amara* yang membawa maksud melimpah ruah dan kemakmuran disebabkan ramai penduduk dan banyak perusahaan perniagaan, perindustrian serta pertanian (Abd al-Sallam Harun, 1961: 632-633; Hans Wehr, 1960: 643). Kata akar yang sama melahirkan pula perkataan `*amir* dan *ma'mur* bererti kawasan yang mempunyai penduduk yang ramai, berkembang maju, berilmu, berbudaya tinggi kerana adanya kerjasama dan kemuafakatan masyarakat serta keadilan di pihak pemerintah. Umumnya, dari segi bahasa, `*umran* merujuk kepada keadaan dan suasana yang aman makmur, maju, berilmu, kaya raya, mewah, ramai penduduk, mempunyai peluang pekerjaan dan tidak wujud pengangguran (Abd al-Sallam Harun, 1961: 633; Hans Wehr, 1960: 743).

Dari segi istilah, `*umran* mempunyai makna yang pelbagai berdasarkan contoh-contoh ditunjukkan dalam Muqaddimah. Makna istilah bertitik tolak dari *al-Kitab al-Awwal* bertajuk *fi tabiat al-'umran fi al-Khaliqah* (tabiat `umran dalam kejadian. Perkataan tabiat di sini seharusnya diterjemahkan kepada hukum dan peraturan dan bukan kepada tabiat semula jadi seperti mana yang selalu dilakukan oleh pengkaji-pengkaji Muqaddimah, kerana tabiat semulajadi atau Inggerisnya The *Law of Nature* memberi maksud alam semesta yang terjadi dengan sendirinya, seperti yang difahami

oleh ahli-ahli falsafah Yunani kuno, termasuk Plato dan Aristotle, sedangkan alam semesta dan segala hukum sertaperaturannya, menurut al-Quran, adalah ciptaan Allah SWT. Sebelum Ibn Khaldun membincangkan hukum `umran, beliau memulakan dengan perkataan *tarikh* (sejarah), diikuti *ijtima` insani* (kerjasama masyarakat) dan diakhiri dengan *'umran al-'alam* (kemakmuran sejagat). Ketiga-tiga perkataan ini bertali arus dan membentuk makna istilah `umran dan `umran al-'alam. Seperti mana katanya, bahawa tarikh ialah: *khabarun 'an al-ijtima` al-insani alladhi huwa 'umran al-'alam* (sejarah terjadi hasil kerjasama masyarakat yang mencetuskan kemakmuran sejagat) (Ibn Khaldun, 1993: 27).

Ringkasnya, *'umran al-'alam* dibina di atas tiga komponen iaitu sejarah (*tarikh*), kerjasama masyarakat (*al-ijtima` al-insani*) dan alam semesta (*al-kawn*). Ada pihak yang membahagikannya kepada tiga komponen, iaitu manusia (*insan*), kehidupan (*al-hayat*) dan alam (*al-kawn*) (Muhammad Sa`id Ramadan al- Buti, 1998: 19-20). Ketiga-tiga komponen ini berinteraksi antara satu sama lain dalam masyarakat yang digerakkan oleh semangat asabiah (solidariti- ekstremisme) sehingga melahirkan negara (*dawlah*) dan kemakmuran (*'umran*). Melalui kaedah inilah maka Ibn Khaldun mendefinisikan *'umran*, sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Jabri, iaitu: (Muhammad `Abid al-Jabri, 1992:132-138, 298)

Suatu fenomena sosial yang digerakkan oleh sekumpulan masyarakat yang bekerjasama/bermuafakat di kawasan kota atau desa dalam sebuah negara yang berdaulat dan berpengaruh bagi tujuan memenuhi keperluan hidup yang selesa dan makmur sama ada dari segi rohani atau jasmani berpandukan agama dan akhlak serta hukum dan peraturan kejadian alam dan manusia ciptaan Allah SWT.

Kehidupan yang selesa dan makmur yang dimaksudkan itu ialah dari segi politik dan sosioekonomi, termasuk agama. Keadaan ini tercetus melalui tiga tahap: *daruri*, *hajji* dan *kamali*. Istilah-istilah ini dipinjam dari istilah-istilah ilmu Usul Fiqh. Menurut ulama Usul Fiqh, yang dimaksudkan dengan *daruri* ialah keperluan asas seperti agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. *Hajji* pula diibaratkan seperti solat qasar dan berbuka puasa bagi orang musafir. *Kamali* ialah pelengkap kepada *hajji* dan tidak diperlukan sangat dalam kehidupan manusia, tetapi jika diperolehi maka tahap kehidupannya akan menjadi lebih selesa dan lebih baik; ia diibaratkan seperti adat tradisi yang baik dan bermanfaat. Kaedah ini telah diubahsuai oleh Ibn Khaldun kepada bidang kehidupan masyarakat iaitu bermula dari kehidupan masyarakat Badwi di padang pasir, *al-'umran al- badawi* yang bersifat *daruri* kepada kehidupan masyarakat kelas pertengahan dan seterusnya kelas atasan atau golongan pemerintah, aristokrat, *al-'umran al-hadari* yang bersifat *kamali* (Muhammad `Abid al-Jabri, 1992: 294).

Setelah itu Ibn Khaldun menjelaskan pula skop *'umran* iaitu yang mengandungi tiga unsur,

iaitu manusia, kerjasama manusia-masyarakat, dan kemakmuran masyarakat yang membawa maksud bahawa kemakmuran adalah hasil kerjasama antara manusia dalam masyarakat. Seterusnya beliau menyatakan pula bagaimana `umran al-`alam terbentuk. Menurut beliau, `umran al-`alam terbentuk adalah hasil tindak tanduk dan kerjasama sesama manusia melalui sejarah (*khabarun `an al-ijtima` al-insani alladhi huwa `umran al-`alam*) (Ibn Khaldun, 1993: 27).

`Umran al-`alam memberi maksud kemakmuran sejagat atau kemakmuran alam semesta. Falsafah `umran al-`alam bermula daripada طبيعة العمران في الخليفة (tabiat `umran dalam kejadian). Maksud tabiat ialah hukum Allah SWT dalam alam yang menjadi sumber kehidupan sama ada manusia mahupun makhluk- makhluk lain termasuk haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Hukum `umran dalam kejadian dikaitkan pula dengan hukum dan peraturan alam طبيعة الكون lebih luas yang dicipta Allah SWT untuk tujuan `umran termasuk alam fizikal. `Umran al-`alam diibaratkan seperti sebuah bangunan besar yang dibina di atas tapak baharu yang lebih kukuh berbanding bangunan lama madani yang dibina oleh ahli-ahli falsafah Yunani kuno yang disifatkan oleh Ibn Khaldun sebagai *al-qadimah al-`umran* (`umran lama) (Ibn Khaldun, 1993:316).

`Umran al-`alam memberi maksud sangat luas yang boleh diterjemahkan sebagai `umran alam semesta atau suatu keadaan kemakmuran di mana masyarakatnya mengamalkan nilai-nilai universal. Fokus `umran al-`alam ialah pada keseluruhan makhluk yang berada di muka bumi, termasuk manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan benda berserta hukum-hukumnya (*tabi`at al-`umran fi al-khaliqah*). Benda dimaksudkan sebagai makhluk yang tidak bernyawa atau alam tabii seperti air, tanah dan udara yang memberi impak kepada kehidupan haiwan, tumbuh-tumbuhan dan manusia atau `umran (Ibn Khaldun, 1993:39-68).

Tujuan Ibn Khaldun memperkenalkan konsep `umran al-`alam dan istilah-istilah lain yang semakna atau hampir semakna dengannya seperti *al-`umran al-insani*, *al-`umran al-bashari* dan *umran al-ardi* adalah bagi menyatakan kesarwajagatan `umran al-`alam yang merentasi sempadan geografi, agama, bahasa dan kebudayaan yang tidak terdapat dalam Hadarah atau tamadun atau *madaniyyah* yang terbatas di kawasan bandar dan kota sahaja. Berdasarkan perbezaan ini menyebabkan Ibn Khaldun memilih istilah `umranal-`alam sebagai fokus kajiannya kerana ia telah mencapai tahap kesempurnaan mengikut hukum kejadian alam dan manusia yang merangkumi aspek rohani dan jasmani untuk dijadikan model kemakmuran alam, masyarakat dan negara yang hanya dapat dilakukan oleh penduduk berbilang bangsa dan agama.

`Umran al-`alam menggabungkan aspek moral dan material dalam membina kemakmuran negara atau dunia luas inilah yang telah diperjuangkan oleh Ibn Khaldun. Memang tepatlah apa yang dikatakan oleh sesetengah pengkaji bahawa kerja-kerja Ibn Khaldun ialah untuk kemakmuran dan kesejahteraan dunia dan seharusnya pula diikuti oleh badan-badan dunia pada hari ini. Bagi

menjelaskan lagi makna `umran al-`alam yang luas itu Ibn Khaldun telah menggariskan ciri-ciri dan keperluan-keperluan asasnya seperti berikut:

- 1) Falsafah dan hukum `umran adalah berasaskan hukum kejadian alam dan manusia ciptaan Allah SWT. Hukum ini terselindung di sebalik ke- jadian tersebut sama ada dalam bentuk hukum agama dan akhlak atau dalam bentuk *ayatullah* (tanda-tanda Allah SWT) dalam alam.
- 2) Pembentukan `umran berpunca dari sejarah (*tarikh*). Sejarah ditakrifkan sebagai maklumat mengenai tindak tanduk manusia tentang keinginannya berinteraksi dengan masyarakat dan alam di sekelilingnya.
- 3) Kerjasama (*ta`awun*) masyarakat dalam dan di luar kelompoknya. Sebagai contoh, masyarakat kota memerlukan kerjasama daripada masyarakat desa bagi mendapatkan bahan makanan. Begitu juga di sebaliknya, masyarakat desa memerlukan kerjasama masyarakat kota untuk mendapatkan peralatan bagi perusahaan pertanian.
- 4) Lokasi yang sesuai dari segi geografi, tanah dan sumber air bagi
- 5) melaksanakan perusahaan perdagangan dan pertanian.
- 6) Ilmu pengetahuan. Tanpa ilmu usaha-usaha perdagangan, pertanian, dan perindustrian tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.
- 7) Mempunyai sebuah negara yang berdaulat, adil dan berpengaruh bagi meyakinkan rakyat dalam melaksanakan undang-undang dan pentadbiran negara.
- 8) Pendidikan moral/akhlak. Pendidikan moral terdapat dalam semua agama dan ia perlu dipelihara bagi mencegah gejala sosial seperti rasuah, penyalahgunaan dadah dan sebagainya.
- 9) Mempunyai undang-undang dan perlembagaan berasaskan undang- undang syariat bagi kesejahteraan di dunia dan di akhirat.
- 10) Mengadakan hubungan dan kerjasama dengan negara-negara luar bagi mencetuskan kemakmuran sejagat (`umran al-`alam) berasaskan hukum kejadian alam dan manusia ciptaan Allah SWT.

Kesemua ciri-ciri `umran al-`alam di atas lahir dalam bentuk holistik (*syumul*), realistik (*waqi`i*), objektif (*madu`i*) dan bersepada (*takammuli*) dan telah dijadikan teras pembangunan dan kemakmuran masyarakat dan negara (Ibn Khaldun, 1993:151; Mustafa al-Shak`ah, 1988:68-69). Teori `umran yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun itu tadi telah dianggap oleh beberapa orang pengkaji kitab Muqaddimah Ibn Khaldun sebagai Teori Islam (Mustafa al-Shak`ah, 1988:78; al-Jabri1992:132). Pencapaian `umran al-`alam (kemakmuran sejagat) yang dihasratkan oleh Ibn Khaldun itu mestilah memenuhi tiga syarat. Pertama, masyarakat beragama dan berakhhlak mulia. Kedua, masyarakat yang

bekerjasama dan bersatu padu. Ketiga, pemerintahan yang adil dan saksama. Ketiga-tiga syarat ini berada di bawah kawalan hukum alam (*tabi`at al-kawn*) yang terkandung dalam ayat kawniyat dan hukum masyarakat (*tabi`at al-'umran*) yang terkandung dalam ayat *muhkamat*. Teori ini sangat bersesuaian dan sejajar dengan undang-undang syariat dan kehidupan masyarakat Islam dalam sesebuah negara yang mengamalkan undang-undang Islam.

Amalan Konsep Fiqh Ta'ayusy Dalam Kerangka Gagasan Rahmatan Lil 'Al- amin Dan Masyarakat Majmuk

Malaysia dikenali sebagai negara masyarakat majmuk atau lebih dikenali sebagai plural society kerana terdapat pelbagai etnik dan budaya. Antaranya Melayu, Cina dan India yang mana merupakan komuniti utama yang tinggal di bawah satu sistem politik. Kemajmukan masyarakat Malaysia boleh dilihat dalam pola-pola bahasa, kebudayaan, agamanya serta dalam struktur ekonomi yang dimiliki (Syahrul Faizaz, 2013). Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (2017), pada 2017 penduduk Malaysia dianggarkan sebanyak 32.0 juta orang dengan 28.7 juta warganegara dan 3.3 juta bukan warganegara. Pada 2017, etnik Bumiputera mencatatkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus berbanding 2016 iaitu 68.8 peratus daripada jumlah penduduk warganegara. Walau bagaimanapun, etnik Cina mencatatkan penurunan mata peratus kepada 23.2 peratus, manakala etnik India dan Lain-lain kekal masing-masing pada 7.0 peratus dan 1.0 peratus berbanding 2016.

Selain itu, Malaysia juga sering dikatakan sebagai sebuah negara dalam pembentukan dengan pelbagai kumpulan etnik yang belum berjaya disatukan. Berdasarkan sejarah singkat negara, kesemua kumpulan etnik ini sebahagian besarnya wujud bersama secara harmoni. Walau bagaimanapun, masih wujud konflik yang berlaku (Syed Husin Ali, 2015). Ini kerana setiap kaum dan etnik dilihat hidup secara terpisah-pisah dalam landskap warga sehingga mereka berada dalam dunia masing- masing. Kita tidak mahu peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 berlaku lagi akibat kegagalan mengurus kepelbagaian kumpulan etnik dan agama yang wujud dalam negara (Naqiah Firdaus & Rose Idayu, 2005). Oleh itu, perpaduan antara etnik adalah satu matlamat pembangunan negara. Sejak Rancangan Malaysia Kedua (1970-1974), matlamat perpaduan sentiasa termaktub dalam setiap rancangan pembangunan lima tahun negara. Bagi memupuk perpaduan, pelbagai usaha telah dijalankan sama ada melalui strategi media atau strategi hubungan. Melalui strategi media, maklumat- maklumat tentang peri pentingnya perpaduan telah disebarluaskan. Program atau berita yang menggalakkan budaya kunjung mengunjungi, hormat menghormati dan bersifat toleransi telah ditonjolkan. Melalui strategi hubungan pula, interaksi fizikal dengan mengadakan jamuan perpaduan, projek anak angkat, malah pertukaran kakitangan kerajaan juga telah diadakan. Walaupun telah banyak usaha yang dilaksanakan, isu perpaduan antara etnik tetap mendapat perhatian kerana masih banyak lagi yang belum diketahui faktor-faktornya yang boleh membantu dan juga menghalang perpaduan etnik (Samsudin A.Rahim,

1992).

Menurut Kamar Oniah (2010), Almarhum YAM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama, pernah mempopularkan dan mempromosikan konsep muhibah dalam memupuk perpaduan kaum dalam negara yang berbilang bangsa dan agama. Ia bagi mewujudkan keharmonian dalam kalangan warganegara, kemesraan saling hidup bersama antara warga. Perkataan muhibah mengandungi makna kekeluargaan, kebersamaan, cinta dan kasih sayang, simpati dan empati, hormat menghormati dan kesopanan. Ia melangkaui makna toleransi yang selalu dibayangi dengan wajah hubungan *a superior-inferior* antara sesama manusia. Kamar Oniah (2010) mencadangkan lima prinsip rukun muhibah sebagai garis panduan untuk mewujudkan keharmonian, saling hidup bersama yang sihat dan harmoni (*healthy and happy coexistence*) di Malaysia, iaitu:

1. *The principle of non-interference and non-intrusion (i.e not to interfere in intra-religious and intra-communal matters of other religions or other communities)*
2. *The principle of Deference and Decorum (i.e to acknowledge, understand and respect differences and sensitivities of other religions and their communities)*
3. *The principle of sympathy and empathy (i.e to be nice to others and to treat others as how they want to be treated)*
4. *The Principle of Communal Cooperation (i.e to harness and work upon the common and parallel items of ethics of religions for the good and benefit of all)*
5. *The Principle of Unity in Diversity (i.e to establish loyalty and augment patriotism to the nation through the spirit of unity in diversity among the citizens.*

Haslina Ibrahim, Rohaiza Abd. Rokis dan Wan Nurhasniah Wan Husin (2016) pula berpandangan bahawa amalan muhibah yang diperkenalkan oleh almarhum YAM Tunku itu mempunyai falsafah sosial yang tinggi dalam pembentukan kesalingan kebersamaan hidup dalam masyarakat berbilang bangsa di Malaysia. Amalan muhibah tersebut mempromosikan atau mempamerkan asas-asas penting bagi mewujudkan persetujuan bersama antara kaum di Malaysia dan menerima kehadiran bangsa-bangsa yang ada secara terbuka dalam kalangan warga negara. Sebagai lambang kepada keluhuran falsafah sosial, muhibah memfokuskan hubungan antara individu dan masyarakat keseluruhannya.

Realiti kehidupan di Malaysia sudah mempamerkan semangat muhibah. Setiap pengikut agama bebas mengamalkan dan mengekalkan tradisi dan kebudayaan, identiti, kepercayaan dan cara hidup masing-masing. Malah pengamalan setiap penganut agama dalam kelompok kepercayaan masing-masing diberi jaminan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Malah, pendidikan yang berteraskan etnik juga dibenarkan dengan mengambil kira bahasa dan kebudayaan masing-masing

seperti pembinaan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, sekolah kebangsaan orang Asli, begitu juga dengan bahasa ibunda masing-masing diajar di sekolah dan diberi penilaian dalam sistem peperiksaan kebangsaan. Malah, terdapat perayaan-perayaan berdasarkan keagamaan dan kebudayaan penganut agama tertentu dibenarkan dan diisytiharkan sebagai cuti umum dalam kalendar negara.

Sehubungan dengan itu, muhibah menjadikan agenda utama Jabatan Perpaduan Negara sehingga Kabinet Malaysia bersetuju mewujudkan Jawatankuasa Mempromosi Kefahaman dan Harmoni antara Penganut Agama pada 24 Februari 2010 dengan meletakkan muhibah sebagai sebahagian daripada visi dan misi. Malah konsep muhibah menjadi asas kepada pembentukan nilai-nilai murni dalam hubungan kaum dengan meletakkan 7 rukun nilai yang perlu ada seperti *Musyawwarah* (*dialogue*), *Ukhuwwah* (*brotherhood*), *Harmoni* (*harmony*), *Ikhlas* (*sincerity*), Bersangka-baik (*mutual-trust*), *Amanah* (*Integrity*) and *Hormat* (*respect*). Kajian Haslina Ibrahim, Rohaiza Abd. Rokis dan Wan Nurhasniah Wan Husin (2016) terhadap pemimpin-pemimpin penganut agama di Malaysia turut mendapati majoriti daripada mereka berpandangan secara positif bahawa konsep Muhibah adalah mekanisme terbaik dalam mengikat perhubungan antara kaum dan agama dalam konteks mutual *love and affection and living together*.

Dari sudut satu sudut, amalan *fiqh al-ta`ayusy* perlu dilihat dalam konteks realiti kemalaysiaan atau *al-waqi` al-malizi* yang latar belakangnya adalah masyarakat majmuk, iaitu orang Islam bukanlah kumpulan minoriti walaupun peratusannya tidaklah terlalu banyak berbanding dengan orang bukan Islam. Ini dengan secara langsung berkait dengan *fiqh al-waqi`* nya yang tersendiri. Ia tidak sama dengan perbincangan *fiqh al-ta`ayusy* dalam konteks orang Islam berada dalam kedudukan minoriti di negara yang ditadbir oleh bukan Islam, yang selalunya dilihat dalam konteks *fiqh aqaliyyat*. Berdasarkan situasi Malaysia dengan komposisi warga daripada sudut beragama muslim dan bukan muslim, perbincangan *fiqh al-ta`ayusy* juga dilihat tidak sama dengan perbincangan dalam kitab-kitab tradisi Islam yang membahagikan orang bukan Islam kepada kafir *dhimmiy* dan kafir *harbi* yang sudah pasti ia membawa implikasi hukum dan kemasyarakatan (Zulkefli et. al, 2018).

Menurut Siddiq Fadzil (2016) berdasarkan rumusan para sarjana muslim, istilah yang boleh dipertimbangkan dalam konteks realiti Malaysia bagi kedudukan bukan muslim ialah merujuk kepada istilah al-muwatinun (warganegara) kerana mereka juga adalah anak watan yang sah daripada segi undang-undang. Walaupun mereka berlainan agama, mereka hidup dalam lingkungan *al-ta`ayusy* daripada sudut sama-sama menikmati hak dan sama-sama memikul tanggungjawab sebagai seorang warganegara yang sepatutnya berkongsi nilai-nilai kemalaysiaan yang dijamin di dalam perlombagaan persekutuan dan juga berkongsi komitmen mempertahankan kedaulatan negara. *Al-waqi` al-Malizi* yang mengambil kira *fiqh al-Malizi* mengambil realiti tersendiri kemalaysiaan yang mungkin tiada di tempat-tempat lain. Realiti kemalaysiaan itulah yang menjadi asas kepada pembentukan kepada kefahaman *fiqh al-ta`ayusy* yang mungkin tidak lahir di negara lain tetapi lahir dan berkembang di

Malaysia.

Memahami *fiqh al-ta`ayusy* dalam konteks realiti Malaysia boleh menjadi pemangkin kepada kekuatan *social engineering* (kedudukan sosial dan fungsi individu) daripada sudut pembinaan dan pemerksaan masyarakat lebih- lebih lagi ia boleh menyumbang kepada pembentukan dan pembinaan bangsa Malaysia. Pengiktirafan terhadap kepelbagaian agama, bangsa dan budaya dalam masyarakat majmuk di Malaysia tidak menjadikan umat Islam harus sepi daripada menjalankan usaha dakwah kepada mereka yang bukan muslim. Ini kerana perbincangan mengenai *fiqh al-ta`ayusy* tidak mengkesampingkan peranan dakwah dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia.

Seperti dalam konteks di Malaysia, amalan *fiqh al-ta`ayusy* sepatutnya menjadi medan kepada orang Islam mempamerkan keindahan agama dan menerangkan ajaran Islam dalam erti kata yang sebenar kepada orang bukan Islam. Ini kerana mereka bukanlah kelompok harbi yang boleh diperangi lantaran berlainan agama. Mereka adalah *ummah alda`wah* yang perlu didekati bagi melebarkan dan menterjemahkan maksud *rahmah li al-`alamin*. Walau bagaimanapun, ia mesti tertakluk kepada arahan Allah SWT di dalam al-Qur'an bahawa "La ikrah fi al- din" iaitu "tiada paksaan dalam beragama". Mereka sendirilah yang menentukan sama ada mahu menerima penerangan Islam yang diberikan, iaitu daripada segi kefahaman dan sebagainya. Malah sebagai *ummah al-da`wah* juga Allah SWT melarang umat Islam mencela sembahana dan kepercayaan yang mereka anuti kerana ia memberikan implikasi yang besar daripada sudut keharmonian beragama dalam kalangan warga yang berbilang agama seperti mana dalam firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخِرُ قَوْمٌ مَّنْ قَوْمٌ عَسَى أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّنْ نِسَاءٍ عَسَى أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابِرُوا بِالْأَلْقَبِ إِنَّمَا الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ لَمْ يَتُبْ فَأُولَئِكَ

هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١١﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah sekumpulan orang laki-laki merendahkan kumpulan yang lain, boleh jadi yang ditertawakan itu lebih baik dari mereka. Dan jangan pula sekumpulan perempuan merendahkan kumpulan lainnya, boleh jadi yang direndahkan itu lebih baik. Dan janganlah suka mencela dirimu sendiri dan jangan memanggil dengan gelaran yang mengandung ejakan. Seburuk-buruk panggilan adalah (panggilan) yang buruk sesudah iman dan barangsiapa yang tidak bertaubat, maka

mereka itulah orang-orang yang zalim.³

Apabila seorang menafikan dan menghina pemeluk mana-mana agama ketika mereka mengamalkan ajaran-ajaran agama berdasarkan sumber-sumber mereka, dibimbangi seseorang yang menafikan dan menghina itu boleh dikatakan sebagai seorang yang ekstrim ketika berinteraksi dengan orang lain. Ini tidak dapat diterima dalam kerangka *fiqh al-ta`ayusy*. Sebagai ummah *al-da`wah*, mereka harus didekati dengan menggunakan *ummahat al-asalib*, sebagaimana yang diistilahkan oleh al-Bayanuni (1995) yang merujuk kepada surah al-Nahl ayat 125, iaitu uslub dakwah secara *al-hikmah*, *al-maw`izah al-hasannah* dan *al-mujadalalah billati hiya ahsan*.

Amalan *fiqh al-ta`ayusy* bukan sekadar membincangkan hubungan antara kaum dan etnik, tetapi yang lebih penting ialah pembentukan dan pembinaan warga Malaysia yang boleh mengambil kira pembentukan ummah Madinah di bawah payung *sahifah* Madinah yang akhirnya memperlihatkan kepelbagaian dalam bingkai kesatuan (*al- tanawwu` fi itar al-wihdah*) yang menjadi ejen pemersatuannya ialah *sahifah* Madinah yang meladani kepelbagaian kumpulan penduduk Madinah di bawah kebijaksanaan Rasulullah SAW. (Siddiq Fadzil, 2016).

Pada ruangan Bayan Linnas, laman sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, mengulas isu berkenaan tentang Masjid An-Naim dan Gereja The Good Shepherd di Lutong, Sarawak yang jaraknya hanya sekitar 100 meter mengambil inisiatif berkongsi kawasan meletak kenderaan. Pada setiap hari Jumaat, pengurusan gereja akan membuka kawasan parkir untuk kegunaan umat Islam. Manakala pada setiap hari Ahad, pihak pengurusan masjid pula membuka kawasan parkir untuk kegunaan penganut Kristian. Bagaimanakah pandangan Islam terhadap isu tersebut? Persoalan tersebut digarap melalui faham fiqh kewujudan bersama (*al-Ta`ayush/ Co-Existence*) pada masa kini. Dengan memetik ayat al-Quran surah al-Hujurat ayat 13, hubungan dan kesatuan antara kita sesama manusia adalah bertaut pada semangat kemanusiaan (*insaniyyah/humanity*) dan bukannya pada faham creedal nation (*alummah al- `aqidiyyah*). Fitrah kemanusiaan yang menginginkan keamanan, kebersamaan dan keadilan inilah yang boleh memandu kita dalam menghargai fiqh kewujudan bersama dalam kepelbagaian ini. Adalah menjadi satu keperluan bagi seluruh manusia untuk sedar bahawa sejauh mana perbezaan warna kulit, bangsa, politik dan agama, mereka adalah tetap bersaudara. Ia adalah satu contoh yang baik bagi mengekalkan keharmonian dan toleransi inter-agama. Maka, Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke - 101 pada 26 April 2017 telah memutuskan hukum berkongsi ruang letak kenderaan antara masjid dan gereja adalah harus dan dibenarkan dalam Islam. Dalam kaedah usul fiqh ada satu perkara yang dinamakan sebagai *mafhum al-aula* مفهوم الْأُولَى Mafhum al-aula adalah sesuatu yang tidak disebut itu lebih utama mendapat hukum

³ Al-Qur'an, al-Hujurat 49:11

daripada apa yang disebut. Jika Kristian dibenarkan memasuki masjid atas keperluan-keperluan tertentu, maka apakah lagi cuma berkongsi ruang meletak kenderaan yang terletak di luar daripada kawasan masjid atau gereja.

Pada laporan akhbar Sinar Harian (19 Julai 2017), Asyraf Wajdi dilaporkan berkata bahawa satu kajian berkenaan langkah menangani cabaran umat Islam ketika berhadapan dengan isu-isu yang berlebar dalam negara yang mempunyai kepelbagaiannya agama dan budaya perlu dilakukan. Kajian yang berfokuskan kepada hukum hakam yang berkaitan dengan kehidupan dalam sesebuah negara yang berbilang kaum dan agama, menurut beliau adalah kajian hukum yang bersifat kontemporari dan perlu mengambil kira maslahat serta keunikan negara dan dibincangkan dalam kerangka maqasid *al-syari`ah* dan *qawa`id fiqhiiyyah* supaya perbincangan perbendaharaan ilmu fekah sentiasa segar dan semasa.

Di samping itu, kajian yang tertumpu kepada fekah kewujudan bersama atau *fiqh al-ta`ayush* atau *fiqh of coexistence* perlu mengambil kira ciri-ciri umum Islam seperti *wasatiyyah*, *mu`tadil* dan *salam* agar dapat merealisasikan maksud *li ta`arufu* sebagaimana yang terdapat dalam surah al-Hujurat ayat 13. Ini kerana persoalan-persoalan yang melibatkan hubungan etnik dan agama seperti perkahwinan rentas agama, kehidupan berbilang agama dalam satu keluarga seperti yang berlaku dalam masyarakat orang Asli di Semenanjung Malaysia, suku kaum di Sabah dan Sarawak, amalan pengucapan selamat untuk sambutan hari-hari perayaan, ziarah upacara keagamaan dan sebagainya perlu ditangani dengan bijaksana mengikut landasan yang betul.

METODOLOGI

Metode kajian ini telah ditentukan berdasarkan objektif kajian. Secara asasnya, penyelidikan ini telah menggunakan kaedah kualitatif termasuk analisis kandungan, temu bual separa berstruktur dalam format perbincangan meja bulat bagi mengumpul dan memperoleh data kajian. Dua perbincangan meja bulat telah dibentuk dan dilaksanakan berdasarkan ketetapan objektif kajian. Panel persidangan terdiri daripada ahli-ahli politik kerajaan, ahli-ahli politik bukan kerajaan, penasihat-penasihat parti, ahli-ahli akademik, pemimpin pelajar dan orang awam. Soalan temu bual telah dibangunkan mengikut perbezaan tematik, bertujuan mencari hubungan berterusan antara pemboleh ubah. Perbincangan dapatkan kajian dibuat mengikut analisis perkataan dan tematik secara deduktif-induktif-deduktif melibatkan dua tahap, penerokaan dan penjelasan.

Hasil Analisis

<p>DASAR RAHMATAN LIL ALAMIN</p> <p>Islam rahmat untuk sekalian alam. Syariatnya menepati fitrah manusia dan menjadi tonggak kepada kesejahteraan manusia yang menjamin kemaslahatan rakyat dan negara.</p>	<p>TAMADUN</p> <p>Negara makmur berdaulat yang memiliki kemajuan yang konsisten dan seimbang daripada semua perspektif kemanusiaan.</p>
<p>POLITIK LESTARI</p> <p>Kuasa yang diperoleh melalui kaedah yang dipersetujui dan dibenarkan oleh agama bagi menguruskan negara, masyarakat dan alam sekitar</p>	<p>PROSES</p> <p>Agama dan Moral. Falsafah kejadian alam dan manusia. Sejarah interaksi manusia dengan persekitaran. Undang-undang yang adil dan saksama. Masyarakat berilmu dan berakhlaq. Keseimbangan geografi daripada semua sudut.</p>

Dapatan kajian bagi konsep dan ciri-ciri teras mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 adalah pertama, takrifan tamadun dalam konteks Malaysia harus mengambil kira masyarakat majmuk dan Melayu Islam sebagai pemegang amanah. Kedua, sebarang istilah atau konsep yang merujuk kepada kecemerlangan tamadun sama ada Wawasan 2020, Transformasi 2050, atau Malaysia baharu atau Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang merujuk kepada maksud dan makna ‘*umran*’ sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Ibn Khaldun. Ketiga pula ‘*umran*’ bermaksud sebuah negara makmur dan pemerintahnya dapat mengekalkan kemajuan yang seimbang antara penduduk bandar dan luar bandar daripada semua aspek termasuk kerohanian, fizikal, infrastruktur, ekonomi dan pendidikan. Keempat Elemen teras bagi mencapai ‘*umran*’ adalah kestabilan politik yang ditunjangi oleh kumpulan induk dan warisan anak watan. Kestabilan politik hanya boleh dicapai apabila sistem dan sokongan politik yang dipaksikan oleh agama, nilai dan patriotisme.

Manakala dapatan kajian bagi konsep dan ciri-ciri politik lestari yang boleh menyumbang kepada kecemerlangan tamadun dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 adalah pertama, naratif politik yang dinyatakan oleh kebanyakan pengkaji-pengkaji politik tempatan dan antarabangsa sering merujuk politik sebagai suatu yang mempunyai konotasi negatif. Kedua, meskipun struktur asas politik dilihat positif iaitu seni memerintah dan mengendalikan negara namun oleh sebab tidak ada satu kaedah khusus yang diperaturkan dalam mengendalikan “seni” tersebut maka sesetengah pengkaji politik mengisbatkan ahli politik dan sistem politik adalah kelompok pencari kuasa melalui kaedah-kaedah yang dirasakan ‘benar’ oleh ideologinya. Ketiga, secara umum, peserta-peserta informan bersetuju dengan dapatan ini apabila sebahagian besar daripada mereka sama ada daripada kalangan ahli politik dan bukan ahli politik menyatakan bahawa politik di Malaysia (walaupun tidak semua pada jumlah yang sangat kecil) adalah suatu yang kotor dan pada sepanjang masa dicemari dengan pelbagai masalah termasuk mengampu, memfitnah, salah guna kuasa, berbohong, mementingkan diri sendiri dan memanipulasi keadaan serta kelemahan rakyat melalui kuasa pidato mereka.

Namun analisis dapatan kajian juga menunjukkan konotasi negatif ini boleh ditarik keluar atau dibersihkan melalui amalan tiga teras iaitu agama, nilai dan patriotisme. Ahli-ahli politik mesti memiliki ketiga-tiga elemen ini pada sepanjang masa. Wajah dan tingkah laku teras itu bukan sahaja mesti bahkan dilihat diamalkan dalam kalangan mereka. Oleh sebab itu, konsep politik lestari perlu diterjemahkan sebagai kuasa yang diperoleh melalui kaedah yang dipersetujui dan dibenarkan oleh agama bagi mengurus negara, masyarakat dan alam sekitar jika Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 ingin dicapai. Usaha berterusan perlu dilaksanakan bagi mengubah cara berpolitik bergerak seperti yang diharapkan. Imaginasi dan keajaiban juga sangat diperlukan dalam hal ini bagi memperjuangkan sesuatu yang secara zahirnya sukar untuk dilakukan. Pemimpin-pemimpin politik perlu merangka mekanisme tertentu bagi membolehkan elemen teras ini bukan sahaja dimiliki tetapi dipertahankan secara konsisten. Mana-mana ahli politik atau pemimpin politik yang dilihat mempunyai ‘wajah’ dan tingkah laku yang bertentangan dengan teras ini perlu disekolahkan kembali atau disingkirkan.

Hasil dapatan bagi objektif terakhir iaitu hubungan di antara teras tamadun cemerlang, kelestarian berpolitik dan prinsip-prinsip dalam Gagasan Rahmatan lil Alamin dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 menunjukkan kesemua peserta bersetuju bahawa gagasan ini adalah idea politik yang sama (*re-branding label*) dengan apa yang pernah dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin sebelum ini seperti penerapan nilai-nilai Islam, Islam Hadhari dan Wasatiyyah namun bukanlah menjadi satu kesalahan pemimpin semasa memberi penjenamaan baru atau semula atas tujuan peringatan kepada rakyat Malaysia tentang praktis ini. Peserta juga bersetuju bahawa gagasan ini pada hakikatnya sudah dipraktikkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Kerajaan Negeri melalui akta dan enakmen negeri masing-masing. Oleh sebab itu, pendidikan kepada dasar ini harus dihuraikan mengikut kronologi Perlembagaan termasuk hal yang berkaitan dengan kontrak sosial. Pendidikan berterusan dan komprehensif pada semua peringkat adalah sangat penting bagi memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu dan bukan Melayu tentang hal ini. Sesiapa daripada kalangan masyarakat yang tidak bersetuju dengan hal ini sama seperti mereka tidak bersetuju untuk kekal sebagai warganegara Malaysia. Kesungguhan pemimpin sangat penting dalam usaha untuk mempromosi dan memastikan gagasan ini adalah dasar negara dan boleh dilihat, disebut dan didengar di semua peringkat pengurusan tertinggi negara.

Inisiatif dan Pelan Pemantauan

Berikut merupakan inisiatif jangka pendek (IJK) dan pelan tindakan dakwah negara:

INISIATIF JANGKA PENDEK (IJK) PELAN TINDAKAN DAKWAH NEGARA		
Inisiatif	Pusat Tanggungjawab	Program/Aktiviti
Agama Nilai Perlembagaan Persekutuan	Ahli politik	Latihan
		Seminar/Bengkel
		Ujian Kelayakan
	Rakyat	Kempen
		Seminar (Kerjasama)
		Pendidikan di Media Sosial

Manakala inisiatif jangka panjang (IJP) pula:

1. Memberi makna dan kesedaran tentang politik dan ahli politik secara jelas kepada ahli-ahli politik dan bukan ahli politik dari sudut fungsi, tatacara dan matlamat dalam membina negara dan tamadun.
2. Mereka bentuk garis panduan/modul latihan dengan jelas melalui baha-sa dan tema yang mudah difahami di semua peringkat.
3. Mereka bentuk garis panduan/modul latihan dengan jelas melalui baha-sa dan tema yang mudah difahami di semua peringkat.
4. Gagasan *Rahmatan lil Alamin* mesti dilihat dipraktikkan dalam dasar semua kementerian dan agensi serta di semua peringkat pengurusan tertinggi bukan hanya berlegar dalam kalangan ahli politik yang memerintah.
5. Melaksanakan kajian keberkesanan dalam tempoh setiap dua (2) tahun bagi mengenal pasti masalah-masalah baharu yang berbangkit dalam usaha merancang mekanisme yang lebih efektif untuk manfaat jangka panjang.
6. Memperkasakan bahagian penyelidikan untuk kerja perancangan yang lebih efektif.
Membuat kajian mendalam dengan kerjasama
Jawatankuasa Reformasi Parliment tentang *Do's and Don'ts* bagi membentuk ahli-ahli parliment yang makmur dari perspektif hujah, fakta, keterampilan dan akhlak.

KESIMPULAN

Rumusan kajian bagi membentuk politik, tamadun dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 adalah bermula daripada rakyat iaitu dengan pembelajaran berterusan untuk menzahirkan masyarakat berpencerahan. Rakyat juga harus bersatu padu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara bangsa. Manakala perkara kedua yang perlu diberi penekanan adalah politik iaitu dengan pengukuhan tadbir urus melalui ketelusan dan akauntabiliti untuk meningkatkan kepercayaan rakyat. Selain itu, penggubalan dasar berdasarkan fakta empirikal di bawah sistem data yang bersepada dan berintegrasi. Pengukuhan daripada dua perkara di atas, maka Malaysia Baru dapat dilahirkan iaitu Malaysia yang mampan, adil dan saksama pada semua stratifikasi sosial.

Secara keseluruhan, penyelidikan ini berjaya menghasilkan pelan tindakan yang realistik, praktikal dan mampu diusahakan. Inisiatif Jangka Pendek (IJK) dan Inisiatif Jangka Panjang (IJP) yang dicadangkan hasil daripada penyelidikan ini memerlukan komitmen yang tidak berbelah bagi dan kerjasama daripada semua pihak termasuk pemimpin, ahli-ahli politik dari semua peringkat dan ideologi serta rakyat. Inisiatif ini sangat besar impaknya dan jika dilaksanakan secara serius, sistematik dan komprehensif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 tidak mustahil mampu direalisasikan.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Ab. Aziz Yusof & Ahmad Bashir Aziz. 2008. *Pengurusan Perniagaan Islam: Konsep Isu & Pelaksanaan*. Kedah: Universiti Utara Malaysia
- Abbas Mahmoud Al-Akkad. 1979. *Kedermawanan Khalifah Usman bin 'Affan*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Abd al- Wahab Khallaf. 1977. *Al- Siyasah Al- Syariyyah Wa Niżam Al Daulah*. Qahirah: al-Mukhtar al- Islami.
- Abd al-Rahman bin Khaldun. 1993. *Muqaddimah Ibn Khaldun al-Tab`ah al-'Ula*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Abd al-Sallam Harun (pty.). 1960-1961. *al-Mu`jam al-Wasit*, 2 Jilid, Mesir: Majm` al-Lughah al-`Arabiyyah.
- Abdul Aziz bin Saikh Ma'atok. 2003. *Teori dan Amalan Politik Dalam Islam*. Tesis Ijazah Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Ghani Azmi Bin Haji Idris. 1999. *Bagaimana Islam Berpolitik Dan Memerintah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher:
- Abdul Karim Zaidan. 1978. *Umat Dan Negara Dalam Islam*. terj. Kuwait: Internasional Islamic Federation of student Organisation
- Abdul Latif Talib. 2010. Novel Sejarah Islam: *Khalifah –Khalifah Yang Benar Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali*. Batu Caves Selangor: PTS Litera Utama
- Abdul Monir Yaacob & Suzalie Mohamad (penyt). 2002. *Etika dan Budaya Berpolitik dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Abdul Rahman Mahmod, Jaffary Awang, Zakaria Stapa. 2009. *Survival Politik Muslim Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi Selangor.
- Abdullah Al-Qari bin Hj. Salleh. 1983. *Detik Perang Saudara dan Penyebaran Islam Zaman Kulafa' Ar-Rasyidin*. Kelantan: Pustaka Asa.
- Abdullah Gymnastiar. 2004. *Amanah Manajemen Qolbu Untuk Kepemimpinan*. Bandung: MQ Publishing.
- Abu 'Urwah. 2001. *Sistem-Sistem Islam: Satu Analisis Perbandingan*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Abu al-Ala al- Maududi. 1967. *Islamic Law And Constitution*. Lahore: Islamic Publication
- Abu Mansur Muhammad bin Ahmad al-Azhari (282-370 H). *Tahdhib al-Lughah*, Jilid 14. Kaherah: al-Dar al-Misriyyah Li al-Ta`lif wa al-Tarjumah.
- Abul A'la Al-Maududi. 1993. *Hukum Dan Konstitusi Sistem Politik Islam*. Bandung: Penerbit

Mizan Khazanah Ilmu-Ilmu Islam

Abul Hasan `Ali Nadawi. 1973. *Islam and the World*. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, Kashmiri Bazar.

Afzal Iqbal. 2000. *Diplomasi Islam*. Terjemahan Samson Rahman. Jakarta: PustakaAl-Kautsar
Ahmad `Ali al-Mala` .1996. *Athar al-'Ulama` al-Muslimin fi al- Hadarah al- Awrubiyyah*,
Beirur. Dar al-Fikr al-Mu`asir (Dar al-Fikr Dimasq).

Ahmad Amin. 1993. *Islam Dari Masa Ke Masa*. Bandung: PT. Remaja Rodas Karya
Ahmad Atiyatullah. t.th. Qamus Al-Siyasi. Qahirah: Dar al- Nahdah Al- Misriyyah.

Ahmad Ibrahim Abu Sin. 1991. *Al-Idarah fi Islam*. Dlm. Terj. Abd. Rashid Ngah & Jusoh
Ahmad Ibrahim Abu Sin. 1991. *Al-Idarah fi Islam*. Dlm. Terj. Abd. Rashid Ngah & Jusoh Kadir.
Pengurusan Dalam Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2001. *Demokrasi dan Kepimpinan: Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Percetakan Cergas (M) Sdn. Bhd.

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2001. *Demokrasi dan Kepimpinan Islam Satu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Ahmad Syafie Maarif. 1999. *Islam dan Politi: Upaya Membingkai Peradaban.Indonesia*: Pustaka Dinamika

al- Jazairi, Syaikh Abdul Malik Ramadhan. 2002. *Pandangan Tajam Terhadap Politik. Antara Haq dan Batil*. Terj. Abu Ihsan al-Atsari. Solo: Pustaka ImamBukhari.

Al- Mawardi, al-Basri, Abu al- Hassan bin Muhammad bin Habib. 1966. *Al- Ahkam Al-Sultaniyyah*. Mesir: Mustafa Al-Bab Al-Halabi.

Al-Baladhuri, Ahmad bin Yahya bin Jabir. 1936. *Asnab al-Ashraf*. vol 5. Jeruselam: The University Press

Al-Bukhārī, Muḥammad ibn Ismā‘īl ibn Ibrāhīm. 1422H. *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*, Edt. Muḥammad Al-Nāṣir, (Dār Ṭūq Al-Naja).

Al-Farabi. 1968. Kitab Ara 'Ahl al-Madinah al-Fadilah. Albert Nasri Nadir (ed.). Beirut: Dar al-Mashriq.

Al-Gharyani, `Adil Muhammad `Abd al-'Aziz. 2006. *Al-ta`ayusy al-Silmi fi `Usur al-Duwal al-Islamiah*. Kertas kerja Nadwah al-Duwaliyyah al-ta`ayusyal-Silmi fi al-Islam. Anjuran Rabitah al-'Alam al-Islami dan al-Markaz al- Islami Colombo.

Al-Ghazali. 1358/1939. *al-Munqidh min al-Dalal*, Jamal Salibah dan kamil Ayyad (pyt.). Damsyik, Edisi ke 3: (t.p.).

Al-Jauziyah, Ibn Qayyim. t.th. *I'lām al-Muwwaqi 'in 'an Rabb al- 'Alamin*. Beirut: Dar al-Jayl.

Al-Kharbutuli, Hassan. 1969. *Al-Islamwa al-Khilafah*. Beirut: Dar Beirut.

Al-Khuli, al-Bahi. 1981. *Sikap Wanita Islam Kini*. Terj. Mohd Yusof Ahmad. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia.

- Al-Qaradawi, Yusuf. 2003. *Al-Khasa'is al-'Ammah Li al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulayman ibn Ahmad. (t.t.). *al-Mu'jam al-Kabir* Kaherah: Maktaba Ibn Taimiyyah.
- Al-Tuwaijiri, `Abd al-`Aziz `Uthman. 2015. Al-Islam wa al-ta`ayusy bayna *al-Adyan fi Ufuq al-Qarn* 21. Cetakan ke-2. Ribat Maghribi: Matba`ah Issesco.
- Amir Husin Mohd. Nor. 2005. *Etika Politik Menurut Pandangan Sayyid Qutb*. Dlm Zulkiple Abd Ghani & Mohd. Syukri Yeoh Abdullah (nyt.). Dakwah dan Etika Politik di Malaysia, hlm 70-83. Kuala Lumpur: Utusan Publications& Distributors Sdn. Bhd.
- Ammar Abbas. 1941. *Ibn Khaldun's Prolegomena to History*, University of Cambridge.
- Amran Kasimin. 1985. *Saudara Baru Cina di Wilayah dan Selangor*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Andek Masnah Andek Kelawa. 2005. *Penglibatan Politik Wanita Islam Malaysia:Hukum, Nilai Dan Etika*. Dlm. Zulkiple Abd Ghani & Mohd. Syukri Yeoh Abdullah (nyt.). *Dakwah dan Etika Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd. _____.
2001. *Kepimpinan Wanita Dalam Islam, Kedudukannya Dalam Syariah*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anis al-Abyad. 1994. *Buhuth fi Tarikh al-Hadarah al-'Arabiyyah al-Islamiyyah, Tab`ah al-Tab`ah al-Ula*. Tarablus, Lubnan: Jurus Bras.
- Anwar Zainal Abidin & Wan Kamal Mujani. 1999. *Sirat al-Rasul dan Khulafa' al- Rashidun* Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, UKM
- Asmaday Idris, Dzurizah Ibrahim & Rahminah Muhamram. 2003. *Isu-Isu Sains Sosial Dari Perspektif Islam. Social Sciences Issues From The Islamic Perspective* Kota Kinabalu Sabah, Universiti Malaysia Sabah.
- Audah Ali. 2003. *Ali Bin Abi Thalib Sampai Kepada Hasan Dan Husain*. Bogor: PT. Pustaka litera Antar Nusa
- Azman Che Omar. 2001. *Pengurusan di Malaysia dari Perspektif Islam*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Boukraa, R. 2008. "The Khaldunian Concept of `Umran/Ijtima` in Light of the Current Paradigm of Post-Modern Society". *Journal of North African Studies*, Vol. 13, no. 3, hlm.317-326
- Bukhsh.S.Khuda. 1927. "Ibn Khaldun and his history of Islamic Civilization". Hyderabad: Islamic Culture.
- Burhanundin Abdullah. 1999. *Faktor-Faktor Kelemahan Dan Krisis Kepimpinan Dalam Politik*. Dlm. Zulkiple Abd Ghani & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus(nyt.). *Kepimpinan Dakwah dan Politik Islam*. Bangi: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan UKM
- Dusuki Hj. Ahmad. 1974. *Ikhtisar Perkembangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan

Pustaka.

- Fakh al-Din al-Tarihi (m. 1985 H), *Majma` al-Bahrain Ahmad al-Husaiyni* (ed.), Jilid 6. Beirut: Muassasah al-Wafa'.
- Hamid Ghunaim Abu Sa`id. 2007. Marakiz al-Hadarah al-Islamiyyah. al-Qahirah. Dar al- Salam li-al-Tiba`ah wa al-Nashr wa al-Turjumah.
- Hamidi Abu al-Futuh Afifah. 1986. *Aslamah Manhaj al `Ulumal-Madrasiyah*. Mansurah (Mesir): Dar al-Wafa`.
- Hans Meyerhoff (ed.). 1959. *The Philosophy of History in Our Time*. New York: Doubleday& Co., Inc.
- Haslina Haslina Ibrahim, Rohaiza Abd. Rokis dan Wan Nurhasniah Wan Husin. 2016. *Muhibah is Not Religious Pluralism: The Understanding of Religious Coexistence among Religious Leaders in Malaysia*. TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World 9 (2016): 67–85.
- Hasan Bahrom. 2001. *Masalah Cita-cita Politik Dalam Melaksanakan Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hussain Othman (pnys.). 2007. *Islam dan Pembangunan Masyarakat*. Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ibn Ammar al-Saghir. 1976. al-Tafkir al-`Ilmi `inda Ibn Khaldun. Iraq: al-Syarikah al- Wataniyah li al-Nasyr Wa al-Tawzir`.
- Ibn Khaldun. 1991. *Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Taimiyah, Taqiuddin. 1969. *Al- Siyasah Al-Syariyyah Fi Islah Al- Ra'i Wa Al-Ra'iyyah*. Beirut: Dar al-fikr
- Idris Zakaria. 1991. *Teori Politik al-Farabi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamar Oniah Kamaruzaman. 2010. *Religion and Pluralistic Co-existence: The Muhibah Perspective*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kamus Dewan. 1993. Ed. Baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Hj. Yahaya. 1999). *Masyarakat Madani Dalam Kerangka Teori Masyarakat `Umrani*: Suatu Anjakan Paradigma. Kesturi, Jurnal Sains Islam: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.